

AKHBAR : SELANGOR KINI
TARIKH / HARI : 25 OGOS 2017 (JUMAAT)



Dr Daroyah (empat dari kiri) melancarkan Bas SEDA-10 I.C Majlis Bandaraya Shah Alam

MBSA lancar Bas SEDA-10 cari dan musnah Aedes

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melancarkan Bas SEDA-10 I.C (*Search and Destroy Aedes-10 Minutes Information Center*) sebagai salah satu inisiatif menjayakan kempen kesedaran deman denggi.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, ia juga adalah usaha MBSA menjalankan aktiviti promosi kesihatan di beberapa lokasi di sekitar Shah Alam.

Katanya, ia bertujuan mening-

katkan pengetahuan, kesedaran dan tanggungjawab kepada penduduk terhadap kepentingan mengamalkan kebersihan dalam menangani masalah demam denggi.

"Promosi ini merupakan usaha berterusan menjadikan kawasan pentadbiran MBSA bebas denggi.

"Ia diharap memberi pendedahan kepada masyarakat untuk mempunyai sifat bertanggungjawab dan bersama-sama memerangi denggi," katanya kepada

SelangorKini.

Majlis Pelancaran Bas SEDA-10 I.C disempurnakan Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi diiringi Datuk Bandar, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad, baru-baru ini.

Beroperasi pada setiap hujung minggu, waktu pengoperasian Bas SEDA-10 I.C ini bermula dari jam 2.30 petang hingga jam 6.30 petang di sekitar Taman Tasik Shah Alam.